

# Sukan

SILAT



PENCAPAIAN CEMERLANG: Sheik Alau'ddin (kiri) bergambar dengan pesilat negara yang memenangi 12 pingat di Terbuka Belgium minggu lalu – pencapaian memberangsangkan sebagai persiapan menjelang temasya Sukan Asia Indonesia nanti. – Foto PERSISI

## Pesilat menyerlah di Terbuka Belgium

►ANWAR YAHYA  
anwar@sph.com.sg

PARA pesilat negara membuktikan persiapan bagi mengharungi temasya Sukan Asia yang akan dihoskan Indonesia pada Ogos/September ini berada di landasan yang betul.

Ini selepas rombongan seramai enam pesilat berpengalaman dan enam pesilat muda pulang daripada kejohanan Terbuka Belgium minggu lalu dengan tujuh pingat emas, tiga perak dan dua gangsa.

Kejayaan memenangi 12 pingat itu turut membantu Singapura merangkul Anugerah Pasukan Terbaik di kalangan 20 pasukan yang mengambil bahagian.

Jaguh negara yang juga merupakan juara dunia dua kali, Muhammad Shakir Juanda, pula turut diiktiraf Anugerah Pesilat Lelaki Terbaik selepas memamerkan prestasi cemerlang menewaskan tiga pencabar awal sebelum memenangi finalnya dengan keputusan 5-0.

Dua rakannya, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin dan Muhammad Nur Alfian Juma'en, turut menyerlah apabila memenangi emas dalam acara masing-masing.

Sebutir lagi emas kategori senior disumbangkan Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin.

Srikanidi negara, Nurul Suhaila Mohd Saiful, pula terpaksa berpuas hati dengan sebutir gangsa selepas tewas kepada pencabarinya dari Malaysia di separuh akhir manakala rakannya, Siti Khadijah Mohd Shahrem membawa pulang pingat perak.

Pesilat junior turut tidak menghamparkan apabila tiga daripada mereka – Muhammad Syahiran Jeffry, Abdul Raazaq Abdul Rashid dan Amirah Sahrin – memenangi emas.

Sebutir perak dimenangi Aiman Putra Asha Ariffin manakala Sheik Fayz Sheik Alau'ddin memenangi gangsa.

Mengulas, ketua rombongan pesilat negara yang juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi, Sheik Alau'ddin Yaacob Marican, berkata kejohanan itu merupakan medan pendedahan dan menimba pengalaman yang baik bagi pesilat negara.

Ia juga, katanya, akan meningkatkan lagi keyakinan para pesilatnya apabila berhadapan dengan pencabar yang lebih fizikal dan mempunyai susuk badan yang lebih besar di kejohanan mendatang.